



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 01 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KERAJAAN TINGKAT PENGELUARAN SUMBER PROTIEN, HAKAH, PANTAI TIMUR-H.14 TINGKATKAN SSL BERAS KEPADA 75%, HARIAN METRO, LOKAL-21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	NAFAS EDAR BENIH PADI SAWAH, HAKAH, NASIONAL-6 NAFAS LINDUNGI PETANI DARIPADA MANIPULASI BENIH PADI SAH, HAKAH, NASIONAL-7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
5.	PET DOG SHOT DEAD WHILE LOOKING FOR CHICKEN WITH OWNER, THE STAR, NATION-9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	GAMAT THAILAND BERNILAI RM83, 310 DIRAMPAS, KOSMO, NEGARA-14	JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	KELUARGA PERLUAS KAWASAN TANAMAN PADI, HAKAH, KELANTAN, H12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	TIADA SEEKOR KAMBING PUN HIDUP, KOSMO, NEGARA-11 KONTRAKTOR UBAH HALUAN, BELA ARNAB KERANA PERMINTAAN TINGGI, KOSMO, NEGARA-16 MUSTAHIL TIRAI DAPAT KAWAL KELODAK LAUT KESAN PROJEK PSR, HAKAH, MEMO MEMBACA, F5 25 KAMBING RENTUNG SEKANDANG SINAR HARIAN, NEGERI PERAK, P.PINANG, KEDAH-22 FARMER LOSES 25 GOATS TO PEN FIRE, THE STAR, NATION-9 HABIS LICIN TAK SAMPAI 4 JAM, UTUSAN MALAYSIA, DALAM NEGERI-12 STRAWBERI DI HALAMAN RUMAH, HARIAN METRO, LOKAL-17 25 KAMBING RENTUNG, HARIAN METRO, LOKAL-21 PUNCA PENDAPATAN BARU, HARIAN METRO, LOKAL-21	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kerajaan tingkat pengeluaran sumber protein

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berusaha meningkatkan pengeluaran makanan dan mengurangkan pembaziran.

Timbalan Menteri Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, perkara itu merupakan cabaran besar kepada sektor agro-makanan global bagi menyedaiakan makanan sihat.

Katanya sektor berkenaan memerlukan pelan yang lebih holistik menjelang Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Bekalan dan permin-taan ikan dijangka meningkat tahun ini. Akuakultur merupakan penyumbang sumber makanan, di samping aktiviti pengim-bang sektor perikanan," katanya selepas lawatan ke projek ternakan ikan tilapia air payau di Pantai Kundur

Khamis lepas.

Menurutnya juga kerajaan akan terus menyokong usaha penternakan membangukan sektor tersebut bagi membekalkan sumber protein yang diperlukan rakyat di negara ini.

Beliau juga berkata, sumber perikanan meningkat sektor akuakultur menjadi sektor terpenting negara, di mana berdasar statistik pengeluaran sektor berkenaan pada 2018 sebanyak 392,465 metrik tan bernilai RM3.06 bilion.

"Manakala pada 2019 sebanyak 411,782 tan metrik bernilai RM3.30 bilion dikeluarkan daripada komoditi air tawar, ikan mar-nasi atau puyu dan rumpai laut," katanya.

Tambah beliau daripada jumlah tersebut Kelantan menyumbang sebanyak 6,449 tan metrik penge-

luaran pada 2019 dengan nilai berjumlah RM57 juta.

Oleh itu beliau berharap kesemua pemain dalam industri berkenaan sentiasa bergerak aktif bagi menyumbang hasil dan penge-

luaran sektor akuakultur.

Perkembangan sektor agro-makanan dunia dijangka akan mencapai 8.3 bilion pada 2030 dan terus meningkat kepada 11 bilion menjelang 2050.



Che Abdullah Mat Nawi meninjau penternakan ikan dalam sangkar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Tingkatkan SSL beras kepada 75%

Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyasarkan Tahap Sara Diri (SSL) bagi bekalan beras dalam negara mencapai sebanyak 75 peratus dalam tempoh lima tahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini kebergantungan beras sebagai keperluan dalam negara hanya mencapai SSL sebanyak 70 peratus manakala selebihnya adalah bekalan beras import yang membabitkan beras premium termasuk basmathi serta beras perang.

Sehubungan itu, beliau berkata, beberapa langkah termasuk meningkatkan teknologi pengeluaran untuk melonjakkan lagi hasil pengeluaran padi di negara ini.

"Kita akan meningkatkan SSL beras kepada 75 peratus dalam tempoh lima tahun lagi kerana pada ketika ini kita berhadapan dengan beberapa kekangan termasuk isu tanah dan pengairan yang akan segera kita bincang dan diperincikan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin ditemui selepas menyampaikan Insentif Teknologi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), Jabatan Pertanian negeri di Dewan Terbuka



Kompleks Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Bemban di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Ghazale Muhamad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) Eliyas Saad dan Pengarah Pertanian negeri Mohd Rasydan Mohd Yusop.

Sementara itu, Ahmad berkata, seramai 600 penerima terdiri dalam kalangan petani di daerah Jasin menerima pakej bantuan input pertanian seperti baja, benih dan peralatan yang bernilai RM500 setiap seorang manakala maksimum RM50,000 pula bagi setiap komuniti.

Katanya, bagi fasa kedua tahun ini, Jabatan Pertanian memperuntukkan sebanyak RM21.18 juta yang akan memberi manfaat kepada 27,524 individu dan 1,064 komuniti di seluruh negara.



Killing blow: An X-ray showing where the slug is lodged.

Pet dog shot dead while looking for chicken with owner

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

IPOH: A tailor out looking for her missing chicken, with her pet dog, had the most terrifying experience when someone shot the canine which died a few hours later.

Chong Kwai Siew, 46, said the incident on Saturday happened just 100m away from her tailoring shop at Kampung Lintang, Batu 8, in Tanjung Rambutan.

She said her dog, named Xiao Ju, was shot by an unknown person at about 1.30pm before dying at 5pm the same day.

My dog and I ran away from the area after hearing the gunshot, she said.

"When I reached my shop, I realised that my dog had been shot," she said when contacted yesterday.

Chong said she then panicked and started calling veterinarians for help.

"Most of the clinics were closed, and no X-ray machines were available, and only managed to get an X-ray on Sunday, which showed a bullet still lodged in the body.

"I managed to go to one clinic on the day of the incident, but without a proper X-ray, nothing much could be done, except for medication," she said.

A police report has been lodged at the Tanjung Rambutan station.

Chong has taken the dog to the state Veterinary Department for a post-mortem.

"I hope the person responsible will be caught, as he could have hurt me as well.

"It is so dangerous that a person is roaming freely with a weapon, and can just shoot whenever," she said.

IpoH OCPD Asst Comm A. Asmadi Abdul Aziz confirmed the case and said investigations were underway.

Nafas edar benih padi sah

Pesawah akan memperoleh benih padi sah dengan harga yang terkawal

Oleh SAJPULLAH AHMAD

PASIR SALAK

Pengedaran benih padi sah oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberi kelegaan kepada pesawah bagi kawasan Seberang Perak di sini. Bagi seorang pesawah, Md Nazir Awang, 38, pengedaran benih padi sah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seberang Perak itu sangat dinantikan oleh petani yang mengusahakan sawah padi di kawasan tersebut.

Md Nazir berkata, sebelum ini kebanyakan petani mendapatkan benih padi sah melalui broker tetapi kini mereka boleh memperolehnya melalui PPK.

"Ia sesuatu yang baik kerana kami percaya dengan adanya sistem baharu pengedaran benih padi sah ini, pesawah akan memperoleh benih lebih berkualiti berbanding sebelumnya."

"Malah, sebagai ahli PPK, saya juga melihat kaedah baharu pengedaran benih padi sah ini akan meningkatkan hasil PPK sekali gus memberi manfaat kepada ahli," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, pengedaran secara sistematik oleh Nafas akan membantu pesawah memulakan taburan benih mengikut jadual yang ditetapkan.

Md Nazir yang mengusahakan sawah seluas 20 hektar di Sungai Buaya di sini mengakui sangat teruja

menantikan benih padi sah yang akan diterima tidak lama lagi.

Beliau yakin dengan sistem baharu itu, pesawah akan menerima bekalan benih padi sah secukupnya mengikut tempoh masa yang diinginkan bagi memastikan jadual semusim tidak terganggu.

Sementara itu, Nanyan Hamid, 66, berkata, sepanjang 45 tahun mengusahakan sawah padi, sistem tersebut pertama kali diperkenalkan kepada petani sebagai usaha untuk membekalkan benih padi sah berkualiti.

Menurutnya, sebelum ini benih padi sah dibeli daripada syarikat swasta tetapi kali ini petani terus mendapat benih tersebut daripada Nafas melalui PPK.

"Sebagai pesawah, kami amat mementingkan kualiti benih padi sah dan bekalan yang mencukupi supaya musim padi tidak terganggu. Kami yakin dengan sistem baharu ini akan membantu memudahkan petani."

"Saya sendiri memerlukan kira-kira 550 beg benih padi sah untuk memenuhi keluasan keseluruhan 52 hektar sawah di Seberang Perak," katanya yang tinggal di Bukit Chawi di sini.

Nanyan berkata, harga benih padi sah yang diedarkan melalui PPK lebih berpatutan berbanding pembelian dengan broker sebelum ini.

Menurutnya, pesawah hanya membayar RM35 bagi satu beg benih padi berbanding sebelum ini sehingga RM38 untuk satu beg benih padi sah.

Beliau berkata, kebanyakan pesawah di Seberang Perak di sini telah menggunakan teknologi dron bagi membantu meningkatkan lagi produktiviti tanaman padi.

"Proses membaja dan meracun, semuanya menggunakan dron kerana dapat menjimatkan kos mengusahakan sawah semusim."



MD NAZIR AWANG

Harga benih padi sah yang diedarkan melalui PPK lebih berpatutan berbanding pembelian dengan broker sebelum ini."

Ia sesuatu yang baik kerana kami percaya dengan adanya sistem baharu pengedaran benih padi sah ini, pesawah akan memperoleh benih lebih berkualiti berbanding sebelumnya."



NANYAN

Cepat dan mudah

"Dengan adanya sistem pengedaran benih padi sah oleh Nafas mengikut jadual ditetapkan, proses penanaman dapat dilakukan dengan lebih cepat dan mudah," katanya.

Pengedaran benih padi sah oleh

Nafas memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 petani di sekitar kawasan Seberang Perak di sini.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Seberang Perak, Md Saad Harun berkata, sehingga kini pihaknya sudah menerima 22,000 beg daripada 42,000

>>



Md Saad menunjukkan beg benih padi sah yang disimpan di dalam gudang PPK Seberang Perak sebelum diedarkan kepada pesawah di sekitar kawasan Seberang Perak, Pasir Salak.



Pengedaran benih padi sah oleh Nafas membantu memudahkan petani dalam meningkatkan produktiviti tanaman mereka.

<<

beg benih padi sah daripada Nafas.

Md Saad berkata, pemberian benih padi sah itu sudah diberikan secara berperingkat kepada pesawah terutama bagi mereka yang akan memulakan penanaman padi pada 8 Mac ini.

"Pengedaran kali ini sangat berbeza apabila PPK sebagai pengedar pusat. Sebelum ini, pembekal benih padi akan menghantar kepada broker tetapi kini mereka perlu melalui Nafas dan PPK."

"Sebelum ini, kami berdepan dengan masalah benih padi tak sah. Pengambilalihan oleh Nafas bermakna agensi ini akan mengawal benih padi. Jika pembekal tidak ikut peraturan maka Nafas tidak akan menerima benih itu," katanya.

Menurut Md Saad, walaupun Nafas menghantar terus benih padi sah itu kepada PPK, pihaknya turut melantik beberapa ejen untuk membekalkan benih berkenaan kepada petani.



Md Saad (kiri) menunjukkan benih padi sah berkualiti yang dibekalkan oleh Nafas kepada PPK Seberang Perak kepada Saripol Baharin untuk diedarkan kepada petani di sekitar kawasan Seberang Perak.

Nafas lindungi petani daripada manipulasi benih padi sah

PELANTIKAN Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pembekal dan pengedar tunggal benih padi sah bertujuan memastikan tidak berlaku sebarang manipulasi terhadap bekalan diterima kepada petani.

Pengarah Bisnes Sektor Awam Nafas, Saripol Baharin Karimi berkata, sebelum ini terdapat pelbagai isu melibatkan benih padi sah berkenaan, antaranya melibatkan harga tidak terkawal, kualiti benih padi dan bekalan padi sukar diperoleh.

Menurutnya, disebabkan itu kerajaan memikirkan satu dasar baharu iaitu memperkenalkan harga siling berdasarkan kajian yang dibuat dengan menetapkan harga RM35 bagi setiap beg kepada petani.

"Bagi melaksanakan program harga siling benih padi sah, platform yang terbaik adalah rangkaian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kerana kami mempunyai pengalaman mengedarkan input-input pertanian seperti baja dan racun."

"Bermula awal tahun 2021, Nafas dilantik sebagai pemborong tunggal. Benih padi sah ini hanya boleh dijual kepada Nafas."

"Semua pengeluar yang ada hanya boleh menjual kepada Nafas dan Nafas pula hanya boleh menjual kepada PPK, manakala di setiap kawasan hanya PPK boleh menjual kepada petani."

"Ini bertujuan untuk mengelak manipulasi, selain memastikan petani mendapat benih padi sah dengan harga dikawal. Nafas perlu memastikan benih padi sah yang diedarkan itu berkualiti, memastikan benih padi sah itu ada dalam pasaran dan harga terkawal," katanya.

Jelas Saripol Baharin, setiap beg

benih padi sah tersebut diberikan subsidi oleh kerajaan sebanyak RM20.60 untuk 20 kilogram (kg) bertujuan supaya petani menggunakan benih padi sah berkualiti.

Menurutnya, sehingga 19 Februari lalu, sebanyak 147,104 beg telah diedarkan di Selangor, Perak, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Terengganu dan Pahang oleh ejen rasmi yang berlesen melalui PPK.

Beliau berkata, Perak menerima jumlah tertinggi sebanyak 91,966 beg iaitu 1,839 metrik tan, diikuti Kelantan sebanyak 26,576 beg dan Selangor sebanyak 19,857 beg.

"Nafas turut memperkenalkan sistem Trek Benih Padi Sah (TrekBPS) bagi memantau aktiviti pengedaran benih padi sah."

"Sistem tersebut merupakan sebuah platform digital bagi mengesan aktiviti dan semua transaksi kewangan yang berlaku bermula daripada pengeluar kepada ejen sah sehingga penerimaan pesawah sebagai pengguna akhir," katanya.

Menurutnya, sistem tersebut mempunyai ciri keselamatan dengan menggunakan kod QR atau tag *Near Field Communication* (NFC) yang dicadangkan Sirim

Berhad (Sirim).

"Melalui sistem ini juga, ejen atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) boleh membuat tuntutan subsidi selepas beg benih padi sah diterima pesawah."

"Seterusnya, Agrobank akan membuat pembayaran kepada Nafas berdasarkan jumlah benih padi sah yang dibeli pesawah."

"Kesemua transaksi dibuat secara langsung bagi memastikan tiada ketirisan maklumat yang berlaku dan mengelakkan penyelewengan kuantiti, harga dan kualiti jenis benih padi sah," katanya.



SARIPOL BAHARIN

Definisi benih padi sah

Benih daripada progeni benih padi asas atau daftar yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui oleh agensi pengesah.

Insentif Benih Padi Sah (IBPS)

- Insentif Benih Padi Sah (IBPS) merupakan salah satu daripada program subsidi dan insentif yang diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu golongan sasaran dalam sektor padi dan beras iaitu pesawah padi.
- Ia bernaam untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta menggalakan mereka menggunakan benih padi sah yang berkualiti, bemutu tinggi, rintang penyakit dan mengurangkan risiko padi angin.

Hala tuju dan penambahbaikan program IBPS

1. Melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam program IBPS bermula November 2020
2. Pelantikan Nafas juga akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan
3. Lesen dan permit akan diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai Peruncit Tunggal dalam tempoh interim sehingga 30 Jun 2021
4. Penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah
5. Menyediakan stok penimbun benih padi sah bagi menengangi isu kekurangan bekalan benih padi sah di luar jangka.

Manfaat keseluruhan yang dinikmati petani

1. Tiada kos tambahan
 - Model pengedaran ini tidak memerlukan kos tambahan daripada kerajaan
2. Kawalan sistem pengedaran
 - Sistem pengedaran lebih teratur dan sistematik
3. Kawalan harga
 - Pengeluar, pengedar, wakil pengedar dan petani tertakluk kepada kawalan kualiti yang boleh dikesan
4. Kawalan bekalan mencukupi
 - Kuantiti bekalan oleh pengeluar kepada pengedar, wakil pengedar dan petani boleh diketahui
5. Pembangunan Pangkalan Data (Database Pesawah)
 - Maklumat data jualan, data pesawah dapat dibangunkan dan dikemas kini secara sistematik melalui tapiran dan kemas kini sistem pangkalan data.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.03.2021	KOSMO	NEGARA	14



INILAH gamat kering yang dirampas Maqis di ICQS Padang Besar baru-baru ini.

Gamat Thailand bernilai RM83,310 dirampas

PADANG BESAR – Sebanyak 277.7 kilogram (kg) gamat kering bernilai RM83,310 yang diseludup dari Thailand dirampas di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, bekalan gamat kering itu dirampas kerana dipercayai tidak memiliki permit import yang sah.

Menurutnya, gamat kering tersebut ditemui selepas pihaknya menahan sebuah lori yang

membawa pelbagai jenis ikan basah dan sotong dari negara jiran pukul 11 pagi.

“Lori tersebut didapati turut membawa gamat kering yang diisi di dalam 12 tong.

“Dagangan tersebut ditahan selepas dipercayai tidak memiliki permit import yang sah,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, perbuatan mengimport barang dagangan tanpa mengemukakan permit import akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

01.03.2021

HARAKAH

KELANTAN

H12

Kelantan perluas kawasan tanaman padi

Oleh **NUR AIN MANAF**

KOTA BHARU: Kelantan berusaha memperluaskan kawasan tanaman padi dengan membangunkan bendang kini semakin mengecil akibat dibangunkan projek perumahan dan komersial.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kawasan terbabit sebabnya terletak di luar kawasan jelapang padi.

Katanya Kerajaan Persekutuan melulus peruntukan sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan projek infrastruktur di luar kawasan jelapang padi dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi.

"Kerajaan negeri menyasarkan pengeluaran padi daripada empat atau lima kepada enam hingga tujuh metrik tan sehektar.


"Kawasan itu akan diletakkan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang mempunyai keupayaan

menaik taraf hidup petani di luar kawasan jelapang padi," katanya di sini.

Kata beliau juga projek itu akan dilaksanakan dan dipantau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan.

Menurutnya apabila projek berkenaan siap nanti tanaman padi di kawasan itu dapat dipertingkatkan kepada dua kali setahun.

Tuan Saripudin yang juga anggota Lembaga Pengarah KADA berkata, melabai langkah itu diharapkan usaha ke arah Kelantan negeri jelapang makanan



Pengerusi KADA Dato' Kamarudin Md Nor meninjau projek baik pulih sistem pengaliran di Bukit Kuang, Pasir Puteh.

akan menjadi kenyataan. Selain itu katanya program pemulihan tanah-tanah terbiar dan melaksanakan projek infrastruktur di luar kawasan

jelapang padi giat dilaksanakan.

"Kita memiliki kawasan padi yang banyak. Selain itu kita juga ingin membangun ternakan termam-

suk lembu dan kambing," ujarnya.

Tahun ini Kelantan turut menerima bajet pembangunan pusat pengumpulan susu.

01.03.2021

KOSMO

NEGARA

11

Penternak rugi RM40,000 selepas 25 ekor kambing hangus dalam kebakaran

'Tiada seekor kambing pun hidup'

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – "Saya tidak dapat menyelamatkan walau seekor kambing pun berikutan api marak dengan begitu cepat."

Demikian kata seorang penternak yang mengalami kerugian kira-kira RM40,000 apabila keseluruhan 25 ekor kambing miliknya rentung dalam kebakaran kandang di Jalan Permatang Kerai Besar, Kepala Batas di sini pada pukul 10 malam kelmarin.

Talib Mat Sa'ad, 65, yang mengusahakan penternakan itu sejak hampir enam tahun lalu berkata, 25 ekor kambing yang hangus dijilat api itu membabitkan tujuh ekor jantan dan 18 ekor betina termasuklah dua ekor

baka jantan yang baru dibelinya. "Saya hanya menyedari kejadian selepas melihat api menjulang tinggi ketika berada di rumah yang terletak kira-kira 100 meter dari kandang kambing," katanya kepada pemberita semalam.

Talib percaya kejadian itu berpunca daripada sisa bara api pembakaran najis kambing yang dibuatnya di bahagian bawah kandang bagi tujuan pembajaan.

"Ketika tinggalkan kandang sebelum pulang, saya mendapati, api hanya tinggal bara dan tidak sangka boleh merebak kerana aktiviti itu memang menjadi rutin saya," ujarnya.

Menurutnya, kerugian yang dialami dianggarkan kira-kira RM40,000 membabitkan kema-

tian kesemua ternakannya dan kandang yang hangus.

Sementara itu, Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, kebakaran membabitkan sebuah kandang kambing binaan kayu berkeluasan kira-kira 84 meter persegi.

"Anggaran kemusnahan adalah kira-kira 90 peratus apabila hampir keseluruhan struktur hangus sehingga menyebabkan kematian 25 ekor kambing.

"Kebakaran dipercayai tercetus daripada pembakaran najis haiwan itu pada sebelah petang di bawah kandang," katanya.

Menurutnya, api berjaya dipadamkan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas pukul 10.51 malam.



KEADAAAN kandang kambing yang hangus di Jalan Permatang Kerai Besar, Kepala Batas, Seberang Perai semalam.

01.03.2021

KOSMO

NEGARA

16

Kontraktor ubah haluan, bela arnab kerana permintaan tinggi

PASIR SALAK - Kekurangan kontrak kerja sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan seorang kontraktor nekad untuk mencuba bidang penternakan arnab yang turut menjanjikan pulangan lumayan sejak enam bulan lalu.

Shahrul Asmawi Lim Abdulah, 66, berkata, bermodalkan RM50,000, dia telah membeli 200 ekor arnab jenis New Zealand White untuk dijadikan sebagai induk.

"Sejak enam bulan lalu, saya menjadi penternak arnab daging disebabkan permintaan yang tinggi di pasaran tempatan.

"Setakat ini saya sudah memperuntukkan modal mencecah RM50,000 bagi membeli 200 induk selain menyediakan keperluan lain untuk penjagaannya," katanya ketika ditemui di Kampung Baru, Kampung Gajah dekat sini.

Tambah Shahrul, induk yang mencecah usia 100 hari akan bunting selama sebulan sebelum melahirkan anak antara lima hingga galapan ekor dan ia boleh bunting dua kali dalam tempoh tiga bulan.

"Penternakan arnab memberi pulangan yang lumayan dan men-



SHAHRUL (kanan) bersama anaknya, Shahrizad di ladang arnabnya ketika ditemui di Kampung Baru, Kampung Gajah, Perak semalam.

dapat permintaan tinggi dari pada pengemarnya berdasarkan khasiat yang diperolehi.

"Apabila sudah cukup usia 100 hari dan berat mencecah dua kilogram, arnab sudah boleh disem belih dan dijual kepada pelanggan dengan harga antara RM35 hingga RM38 sekilogram," ujarnya.

Bagaimanapun, sehingga kini pihaknya masih dalam fasa membiakkan lagi ternakan itu dan akan mula menjual daging arnab tersebut tidak lama lagi.

01.03.2021

HARAKAH

MEMO MEMBACA

F5

Mustahil tirai dapat kawal kelodak laut kesan projek PSR!

Saudari Pengarang,

BAGI mengulas kenyataan Pengerusi Lesfari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS) mengenai projek tambahan laut di perairan selatan (PSR) bahawa nelayan mengatakan kawasan perikanan di sekitar Pulau Rimau dan Pulau Kendi akan musnah. Timbalan 1 Ketua Menteri Pulau Pinang berkata "Saya ingin menjelaskan, kedua-dua pulau berkenaan terletak di luar kawasan projek PSR, dan semua usaha akan dilakukan untuk kawasan ini bagi mengekalkan ia sebagai kawasan perikanan.

Pulau Rimau terletak di Timur dan Pulau Kendi di Barat Pulau Pinang, dan kedua-duanya berada dalam jarak beberapa minit perjalanan menaiki kapal dari sempadan kawasan penambakan.

Para nelayan meluahkan perkara yang betul, bahawa kawasan perikanan di sekitar pulau berkenaan akan musnah kerana tidak ada cara untuk mengawal penyebaran kelodak

dan bahan-bahan asing ke luar dari kawasan tambakan menyebabkan kemusnahan habitat ikan dan terumbu di sekitar pulau-pulau dan mengusir ikan dan hidupan laut yang lain.

Kelodak halus dapat dibawa pulutan batu ke semua arah dari lokasi penambakan oleh arus laut. Beberapa ratus (mungkin lebih) sangkar ikan di Batu Maung, sekitar Pulau Jerjak dan bahagian daratan jambatan Kedua Pulau Pinang juga akan terjejas.

Demikian itu, bagi menenangkan dan meyakinkan nelayan, Timbalan 1 Ketua Menteri Pulau Pinang berkata kerajaan negeri mengambil langkah perlu untuk memasang tirai kelodak untuk memastikan kawasan di sekitar pulau tidak tercemar.

Tirai kelodak itu bukanlah tirai ajaib yang dapat menyimpan 100 peratus kelodak di kawasan penambakan!

Mereka memberikan rasa "selamat yang salah kepada nelayan" hakikatnya tirai itu tidak mampu menghalang air daripada



Projek PSR jelas perlu nak nelayan.

mengalir ke kawasan lain apatah lagi kelodak.

Tapak projek PSR ini dijalankan di atas laut terbuka, ia bukan dibuat di empangan yang mana air di empangan setenang daripada laut. Ada waktunya, air laut akan bergelora dengan ombak yang kuat mengikut keajutan angin.

Dalam keadaan seperti itu, lama-kelamaan tirai kelodak akan terjejas atau rosak akibat daripada

tolakan dan tarikan yang kuat, dan gerakan naik turun hasilan dari arus laut. Ini amat mustahil sekali, tirai kelodak itu tidak mampu menghalang kelodak air daripada memasuki kawasan perikanan nelayan.

Belum ada bukti yang didokumentasikan bahawa tirai kelodak menjamin kelodak dapat dikawal di tapak penambakan.

Laut Selatan Pulau Pinang adalah warisan semula jadi yang tidak ternilai dan kawasan penyediaan makanan laut yang kaya yang memberi makan kepada puluhan ribu orang setiap hari.

Industri perikanan sentiasa diperlukan dan penting selagi ada permintaan dari orang ramai yang memerlukan ikan untuk mendapatkan protein yang murah. Jadi mengapa sengaja

"membunuhnya" untuk orang asing membina kilang, menggunakan buruh asing yang murah dan mengembalikan keuntungan ke tanah air?

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti memberi keutamaannya yang betul. Tidak ada yang lebih penting daripada keselamatan makanan untuk masa depan. Sebilangan besar ikan dan makanan laut lain dipungut dari tempat ini.

Sekian,

Ravinder Singh
Permatang Damar Laut, Batu Maung, Penang

01.03.2021

SINAR HARIAN

NEGERI PERAK.P.PINANG.KEDAH

22

25 kambing rentung sekandang

Penternak rugi
RM40,000

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHMAN

KEPALA BATAS

Seorang penternak kambing kerugian RM40,000 apabila 25 kambing ternakannya rentung selepas kandang terbakar dalam kejadian di Permatang Kerai Kecil di sini, malam Sabtu.

Kejadian berlaku pada jam 10 malam itu dipercayai berpunca daripada kesan kebakaran najis kambing yang dilakukan oleh penternak terbabit pada sebelah pagi untuk tujuan

pembajaan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzaizy Mohd Noor berkata, temu bual terhadap pemilik kandang kambing berusia 64 tahun itu memaklumkan dia membakar najis kambing dengan menggunakan sabut kelapa di bawah kandang kambing.

Menurutnya, pada sebelah petang dia melihat asap dari tempat gumpalan najis itu tetapi tidak mengesyaki kebakaran berlaku.

"Kira-kira jam 10 malam penternak kambing berkenaan nampak api dari kandang kambing tempat pembakaran tersebut dan tidak sempat menyelamatkan ternakan kerana api cepat marak.

"Mangsa memberitahu mungkin jumlah gumpalan najis kambing yang berada di bawah kandang terlalu banyak menyebabkan bara daripada sekam najis itu menyambar kandang dengan cepat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Akibat kejadian itu, tujuh ekor kambing jantan dan 18 ekor betina miliknya hangus.

Noorzaizy berkata, penternak terbabit tidak mengesyaki sebarang perbuatan khianat berlaku sebaliknya lebih yakin berpunca kesan tindakan membakar najis kambing tersebut.

Katanya, atas alasan itu penternak itu yang telah memelihara kambing sejak enam tahun lalu enggan membuat laporan polis.



Kesan kebakaran kandang kambing di Kepala Batas pada malam Sabtu.

Farmer loses 25 goats to pen fire

BUTTERWORTH: Hoping to turn goat manure into fertiliser, a farmer has now lost 25 of his animals after the pen was razed in a fire at Permatang Kerai Kecil in Kepala Batas here.

It is understood that the 64-year-old farmer had been burning goat manure at his pen on Saturday morning but was not aware that the pile was still burning later that night.

North Seberang Prai OCPD Asst Comm Noorzainy Mohd Noor said the police received a call from the owner's neighbour to alert them about the incident at 9.51am yesterday.

"Police arrived to find that the fire had been put out," he said.

The victim has been running the farm since 2016, and admitted that he did not make a report about the incident as he did not suspect any foul play.

"He said he was burning a huge pile of goat manure on Saturday morning to turn it into fertiliser. By evening, he saw the burning had been reduced to smoke.

"Later that night, he saw a fire break out at the pen, from his



Total loss:
Police checking the goat pen in Permatang Kerai Kecil after the fire.

house. But he could not do anything as the fire had spread rapidly," said ACP Noorzainy.

Kepala Batas Fire and Rescue Department operations officer

Muhammad Shuhaimi Che Me said the blaze destroyed about 90% of the pen.

"We received a call at 10.18pm on Saturday and managed to put out

the fire under an hour. The operation ended at 11.04pm," he said.

The farmer suffered an estimated loss of RM40,000 after all his 25 goats perished in the blaze.



MOHAMAD Yusri Ismail menunjukkan daging lembu batang pinang yang dijual kepada para pelanggan di geraianya di Jalan Pasir Mas-Meranti di Kampung Pohon Buluh, Pasir Mas.

Oleh **YATIMIN ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR MAS: Tidak perlu gerai moden ala hipster dengan papan tanda gergasi atau gimik pelik-pelik menerusi media sosial sebagai strategi. Cukup dengan gerai kayu ringkas bersama papan tanda yang sekadar ditulis menggunakan 'pen marker'.

Imej gerai mereka mungkin tidak gah, namun peniaga daging lembu tempatan di negeri ini tetap tersenyum lebar kerana produk jualan sentiasa habis lici setiap hari tanpa mengira musim.

Ketika tinjauan *Utusan Malaysia*, Mohamad Affendy Ismail, 29, dan adiknya Mohamad Yusri, 23, yang berniaga di tepi Jalan Pasir Mas-Meranti berhampiran Kampung Pohon Buluh dilihat tidak menang tangan melayan pelanggan yang tiba.

Pasangan adik-beradik itu memberitahu, mereka membuka gerai setiap hari bermula pukul 8.30 pagi dan kebiasaannya, daging lembu habis terjual tidak sampai empat jam.

"Setiap hari kami menyembelih seekor lembu baka kampung untuk dijual di gerai. Bilangan hanya akan ditambah ketika musim Aidilfitri atau Aidiladha.

"Alhamdulillah setakat ini daging lembu kami yang dijual pada harga berpatutan sekitar RM30 sekilogram sentiasa habis lici biarpun ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata Mohamad Affendy.

Mohamad Yusri pula memberitahu, mereka menternak sendiri lembu selain membeli daripada penduduk kampung bagi memastikan kualiti dan status halalanya tidak diragui.

"Apabila kami menyembelih

lembu yang dibela sendiri atau lembu milik orang kampung, aspek kebersihan dan status halal tidak perlu diragui menyebabkan kami mempunyai pelanggan tetap tersendiri," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Kamaruzaman Hussin, 41, dari Kampung Wakaf Stan di sini berkata, sebagai penggemar tegar, dia tetap membeli daging lembu tempatan biarpun harganya naik sedikit baru-baru ini.

"Daging lembu tempatan kalau goreng ringkas dengan kunyit, cili dan bawang besar sudah membangkitkan selera makan kerana lebih lembut," katanya.

Kelmarin *Mingguan Malaysia* melaporkan, hampir 1,000 ekor lembu 'ditumbangkan' setiap bulan di negeri ini dan Kelantan muncul negeri pengeluar lembu pedaging kedua tertinggi di belakang Pahang.

01.03.2021

HARIAN METRO

LOKAL

17

Seremban

Pepatah berbudi kepada tanah sudah pasti ada hasilnya sesuai diberikan kepada Sharina Mad Shah yang memanfaatkan sepenuhnya halaman rumahnya di Taman Pinggiran Golf di sini, sehingga mampu menjana pendapatan hasil daripada tanaman strawberi yang diusahakannya.

Bermula dengan hanya menanam tujuh pokok strawberi sejak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac tahun lepas, kini Sharina, 47, boleh berbangga apabila mampu memperoleh pendapatan mencecah RM3,000 hingga RM5,000 sebulan melalui jualan anak pokok strawberi.

Pada awalnya, anak jati Negeri Sembilan itu kurang yakin tumbuhan berkenaan mampu hidup di halaman rumahnya kerana kebiasaannya ditanam di kawasan tanah tinggi dengan cuaca yang sejuk seperti di Cameron Highlands, Pahang.

Namun, hasil perkongsian rakan dan menghadiri kursus penanaman secara dalam talian, Sharina yang juga pelatih pemasaran digital kini mampu menjual lebih 500 anak pokok itu kepada pelanggannya, sekali gus menambah pendapatannya yang terjejas susulan penularan pandemik Covid-19.

"Saya memang minat menanam dan tujuh tahun lepas kawan pernah hadikan saya pokok stra-

Strawberi di halaman rumah

Wanita mampu jana hingga RM5k sebulan melalui jualan anak pokok

wberi, tapi kerana kesibukan bekerja dan pengetahuan penjagaan tanaman itu ketika itu agak terbatas, pokok berkenaan mati," katanya.

Sharina yang juga pembuat kek berkata, kesukaran mendapatkan strawberi yang segar dengan harga berpatutan juga mencetuskan idea buatnya menanam tumbuhan itu selain ia mampu menghasilkan sebanyak 50 hingga 100 biji buah seminggu.

Ibu kepada lima orang anak ini berkata, beliau melakukan penanaman secara tradisional iaitu anak pokok diletakkan pada tanah biasa terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke pasu kecil yang terdiri daripada 70 peratus sabut dan selebihnya tanah, seminggu kemudian.

Jelasnya, tanaman strawberi atau nama saintifiknya *Fragaria x ananassa* merupakan tumbuhan yang boleh dikatakan 'manja' kerana memerlukan penjagaan yang sangat rapi berbanding tanaman lain.

"Ia perlu sentiasa berada dalam keadaan lembap dan menerima bekalan air dan cahaya matahari secukupnya bagi membantu mengurangkan kerosakan pada daun ketika proses tumbesarannya.

"Bagi mereka yang baru bermula menanam pokok ini, ia mungkin agak sukar kerana penjagaannya perlu hati-hati, ketika menyiram air tidak boleh terkena pada sulurnya, sulur itu perlu dijaga, kalau su-

lur selamat, maka pokok itu akan hidup," katanya.

Tambahnya, tanaman strawberi akan mulai berbunga dan berubah menjadi buah sekitar tempoh tiga bulan sebelum buah yang sudah matang boleh dipetik.

Antara spesies yang ditanam ialah jenis Japanese Sweet, Nanyang dan Korean Sweet, dan buah berkenaan dikatakan lebih manis berbanding buah yang ditanam di Tanah Tinggi Cameron.

Dalam pada itu, Sharina berkata beliau turut berkongsi cara penjagaan tanaman itu daripada fasa awal sehingga ia menghasilkan buah, menerusi laman Facebooknya bagi memberi panduan dan memu-

dahkan mereka yang baru berjinak dengan aktiviti penanaman strawberi.

Mengenai perancangan masa depannya, Sharina berkata beliau berhasrat menanam tumbuhan itu secara hidroponik bagi men-

dapatkan hasil yang lebih baik.

Selain mengusahakan tanaman strawberi, Sharina juga mengusahakan tanaman cendawan kukur yang turut mendapat sambutan pelanggan. - Bernama

STRAWBERI yang ditanam di halaman rumah Sharina Mad Shah ini boleh menghasilkan pendapatan mencecah RM5,000 sebulan.



"Tanaman akan mula berbunga dan berubah menjadi buah sekitar tempoh tiga bulan"

Sharina



STRAWBERI yang ditanam di halaman rumah Sharina Mad Shah ini boleh menghasilkan pendapatan mencecah RM5,000 sebulan.



HARIAN METRO melaporkan Sharina Mad Shah ini berbangga dengan harga berpatutan yang ia peroleh dengan menjual anak pokok strawberi yang ditanam di halaman rumahnya.



KANDANG kambing milik Talib yang terbakar menyebabkan 25 ternakan yang dijual bagi tujuan korban dan aqiqah, rentung.

25 kambing rentung

Penternak reda tanggung rugi RM40,000 kandang dijilat api

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

Seorang penternak reda apabila 25 kambingnya rentung dalam kebakaran kandang di Jalan Permatang Kerai Besar di sini, malam kelmarin.

Kebakaran yang disedari pada jam 10 malam itu membabitkan semua kambing yang akan dijual bagi tujuan ibadah korban dan aqiqah.

Penternak berkenaan, Talib Mat Sa'ad, 65, berkata, dia sudah mengusahakan ternakan itu sejak tujuh tahun lalu.

Menurutnya, kandang itu

terletak kira-kira 100 meter dari rumah saya namun tidak menyedari ketika kebakaran berlaku.

"Disebabkan itu, saya gagal menyelamatkan semua 25 kambing berkenaan termasuk dua kambing jantan yang baru dibeli," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, sudah menjadi kebiasaannya membakar najis kambing di bahagian bawah kandang terbabit.

"Kalau najis kambing sudah banyak, biasanya saya akan bakar dan ketika ting-

galkan kandang saya dapati ia hanya tinggal bara.

"Tidak sangka pula ia akan menjadi punca kepada kebakaran kandang terbabit. Nilai kerugian yang dialami dianggarkan sebanyak RM40,000," katanya.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian itu jam 10.18 malam.

Menurutnya, pegawai dan anggota dari Balai Bomba

dan Penyelamat (BBP). Kepala Batas kemudiannya digerakkan ke lokasi kejadian.

"Ketika tiba di lokasi, didapati kandang berkenaan sudah terbakar sebanyak 90 peratus dan strukturnya yang diperbuat daripada kayu menyebabkan api marak dengan cepat.

"Difahamkan oleh pemilik ternakan itu bahawa kejadian terbabit dipercayai berpunca daripada kerja pembakaran najis kambing yang dilakukannya pada petang semalam (kelmarin)," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, api berjaya dikawal jam 10.40 malam dan operasi tamat sepenuhnya jam 11.04 malam.

"Saya gagal menyelamatkan semua 25 kambing berkenaan"
Talib

01.03.2021

HARIAN METRO

LOKAL

21

Punca pendapatan baharu



PETANI, Mohd Anuar Md Daud, 25, memeriksa jerami gulung mini yang dikumpulkan di sebuah gudang sebelum dijual kepada orang ramai di Kampung Tanah 100, Mukim Tebengau, Alor Setar. Mohd Anuar berkata, selain dijadikan makanan ternakan, jerami gulung yang dibeli pelanggan digunakan untuk membuat baja kompos dan medium penghasil cendawan. Sebelum ini, Mohd Anuar membelanjakan RM20,000 wang simpanan hasil jualan padi untuk membeli mesin penggulung jerami mini. Katanya, walaupun aktiviti menggulung jerami ini bermusim namun ia terbukti menjadi punca pendapatan baharu meskipun berdepan kemerosotan hasil padi musim ini.